
MENEROKA PERANAN *QARINAH* SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH SYARIAH: ANALISIS KES DAN CABARAN

EXPLORING THE ROLE OF QARINAH AS A METHOD OF PROOF IN THE SYARIAH COURT: CASE ANALYSIS AND CHALLENGES

ⁱMuhammad Nur Akmal Adib Abdul Samad, ⁱⁱMohd Hanafiah Abdullah & ⁱⁱⁱDzafir Firdaus Ahmad Zubairy, ^{iv}* Suhaizad Saifuddin & ^vLukman Abdul Mutalib

^{i, ii, iii, iv, v, vi}Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

^{iv}Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: suhaizad@ukm.edu.my

ABSTRACT

This article examines the application of *Qarinah* in Syariah Court cases, referring to circumstantial evidence used to support or refute an allegation. Although *Qarinah* is accepted under the state's Evidence Enactments, its usage remains limited and is subject to the discretion of judges. Additionally, there is confusion regarding the application of *Qarinah* from an Islamic perspective and its interpretation within the enactments. The objective of this study is to analyze the concept of *Qarinah* and its application in Syariah Courts, identify weaknesses in its acceptance, and propose improvements to strengthen its use within the Syariah legal system. The study adopts a qualitative methodology through the analysis of primary and secondary legal sources, including statutes and court cases. The findings indicate that *Qarinah* carries several different meanings within the Syariah Court Evidence Enactments. Its application is also inconsistent with the Islamic understanding of *Qarinah*, leading to non-uniformity and challenges in its implementation. This article suggests that legal provisions be updated to provide clearer guidelines and improve the understanding of Syariah legal practitioners to ensure fairer and more consistent judicial decisions.

Keywords: *Qarinah, Circumstantial Evidence, Method of Proof, Syariah Court Evidence Enactments, Syariah Court*

Abstrak

Artikel ini mengkaji pemakaian *Qarinah* dalam kes-kes di Mahkamah Syariah, yang merujuk kepada keterangan berdasarkan keadaan dalam menegakkan atau menafikan sesuatu dakwaan. Walaupun *Qarinah* diterima di bawah Enakmen Keterangan negeri, penggunaannya masih terbatas dan bergantung kepada budi bicara hakim selain wujudnya kekeliruan berhubung pemakaian *Qarinah* menurut pandangan Islam dan tafsiran di dalam enakmen. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis konsep *Qarinah* dan penggunaannya di Mahkamah Syariah, mengenal pasti kelemahan dalam penerimaan *Qarinah* serta mencadangkan penambahbaikan untuk mengukuhkan penggunaannya dalam sistem perundangan Syariah. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis sumber perundangan primer dan sekunder termasuklah statut perundangan dan kes-kes di mahkamah. Hasil kajian mendapati bahawa *Qarinah* mempunyai beberapa pengertian yang berbeza di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Pemakaian *Qarinah* juga dilihat tidak konsisten dengan maksud *Qarinah* menurut perspektif Islam yang menyebabkan pemakaian yang tidak seragam seterusnya menjadi cabaran dalam pemakaian *Qarinah*. Artikel ini mencadangkan agar peruntukan undang-undang dikemas kini bagi memberikan panduan lebih jelas serta meningkatkan kefahaman kepada pengamal undang-undang syariah dalam memastikan keputusan perundangan yang lebih adil dan konsisten.

Kata Kunci: *Qarinah, Keterangan Berdasarkan Keadaan, Kaedah Pembuktian, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, Mahkamah Syariah*

Pengenalan

Pembuktian adalah proses untuk menyokong atau menafikan sesuatu dakwaan atau tuntutan melalui bukti yang dibawa di hadapan mahkamah. Dalam konteks perundangan, pembuktian memainkan peranan yang sangat penting dalam membantu mahkamah menentukan kesahihan atau ketepatan fakta dalam sesuatu kes. Pembuktian tidak hanya membantu mencapai keputusan yang adil, tetapi juga memastikan setiap pihak mempunyai peluang untuk membela diri berdasarkan bukti yang sah. Setiap keputusan mahkamah mesti dibuat berdasarkan bukti yang sah dan relevan, bukan atas andaian atau spekulasi. Ini memastikan bahawa individu yang tidak bersalah tidak dihukum, sementara yang bersalah disabitkan berdasarkan bukti kukuh. Seperti dalam Al-Quran, Allah SWT memerintahkan manusia untuk membuat keputusan berdasarkan bukti, bukan mengikut hawa nafsu melalui firman-Nya:

Dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu, kerana ia akan menyesatkan kamu dari jalan Allah. (Surah Sad:26)

Pembuktian memastikan bahawa hak setiap individu yang terlibat dalam kes perundangan dilindungi. Ini termasuk hak untuk membela diri bagi yang tertuduh serta hak untuk menuntut keadilan bagi yang dizalimi. Proses pembuktian yang jelas dan adil membolehkan setiap pihak membentangkan bukti yang relevan, menjamin keadilan dalam kes tersebut.

Wahai orang mukmin, sekiranya seorang fasik datang memberi perkhabaran kepada kamu, hendaklah terlebih dahulu kamu menyiasat buktinya untuk menentukan kesahihannya. Takut-takut kamu menuduh atau memutuskan sesuatu hukuman ke atas kaum tanpa usul periksa, kamu menyesal kemudian nanti. (Surah al-Hujurat :5)

Bagi mencapai keadilan dalam sesuatu proses perbicaraan, semua fakta dan isu yang dibangkitkan perlu disokong dengan pembuktian yang tuntas dan dikemukakan di hadapan hakim. Pembuktian tersebut perlu dikemukakan melalui kaedah tertentu yang ditetapkan dalam peruntukan sedia ada. Kaedah

pembuktian tanpa cara dan saluran yang ditetapkan akan menyebabkan pembuktian tersebut tidak sah dan ditolak kerana kaedah pembuktian bermaksud cara yang digunakan bagi membuktikan sesuatu kesalahan yang didakwa berlaku di hadapan mahkamah. Kaedah pembuktian juga dikenali dengan nama lain seperti cara pembuktian, saluran pembuktian, mekanisme pembuktian dan instrumen pembuktian. Islam juga telah menetapkan kaedah pembuktian yang perlu dipatuhi dengan perbahasan yang terperinci (Suhaizad et al., 2019). Oleh yang demikian yang ingin dikemukakan di Mahkamah hendaklah menggunakan kaedah-kaedah keterangan yang diiktiraf oleh syariah. Untuk menentukan suatu pensabitan atau penafian terhadap suatu dakwaan atau tuntutan mestilah dibuat berdasarkan kaedah-kaedah keterangan bagi menyokong atau menolak suatu dakwaan atau tuntutan tersebut. Antara kaedah yang boleh digunapakai adalah *Qarinah*. (Anwarullah, 1992).

Sorotan Literatur

Kebolehterimaan Qarinah Menurut Perspektif Islam

Merujuk dari sudut bahasa, *Qarinah* bermaksud melazimi atau sentiasa bersama. Seperti di dalam firman Allah yang bermaksud:

Sesiapa yang menjadikan syaitan itu sebagai rakan baik yang sentiasa bersama dengannya, maka itulah seburuk-buruk rakan (Surah An-Nisa: 38)

Dari sudut istilah, *Qarinah* membawa maksud tanda-tanda. Ulama-ulama terdahulu tidak meletakkan suatu definisi yang spesifik terhadap perkataan *Qarinah* kerana penggunaan perkataan tersebut adalah jelas pada waktu itu. (Lukman Abdul Mutalib & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2012) Akan tetapi, seiring perkembangan zaman dan keperluan masalah masa kini, pendefinisian secara spesifik telah dibuat oleh ulama-ulama kontemporari. Ulama kontemporari seperti Wahbah Zuhaili (2004) menafsirkan *Qarinah* sebagai suatu perkara yang zahir yang mempunyai hubungan dengan suatu perkara yang tersembunyi yang dapat menzahirkannya di dalam sesuatu fakta kes. Beliau turut menggariskan beberapa elemen *Qarinah* iaitu perlu wujudnya fakta yang jelas yang boleh dijadikan asas sesuatu keputusan dan perlu wujud hubungan antara fakta yang jelas tadi dengan fakta yang dipertikaikan atau yang tidak diketahui.

Menurut Abd. Karim Zaidan, *Qarinah* bermaksud sesuatu yang mampu menjadikan kewujudan atau ketidakwujudan sesuatu perkara tersebut. Manakala merujuk Dr. Mahmud Saedon Awang Othman (1991), *Qarinah* didefinisikan sebagai perkara yang dapat menunjukkan maksud sesuatu. Selain itu, menurut satu pandangan yang lain, *Qarinah* juga boleh datang dari pelbagai bentuk seperti melalui perkataan, keadaan, suasana, perbuatan dan lain-lain. (Anwarullah, 1992). Meskipun Para Ulama' kontemporari memberikan definisi yang pelbagai, akan tetapi ia dapat dirumuskan sebagai suatu konsep yang menghubungkan fakta-fakta yang yang mewujudkan sesuatu perkara atau tidak wujudnya sesuatu perkara.

Firman Allah yang bermaksud:

“Mereka datang membawa baju Yusuf (yang berlumur darah) dengan darah dusta. Berkata bapanya: Bahkan dirimu menghiaskan (memandang baik) urusan itu. Sabarlah yang lebih baik. Kepada Allah minta pertolongan, tentang apa yang kamu terangkan itu” (Surah Yusuf 12:18)

Qarinah yang lebih jelas tersebut adalah baju Nabi Yusuf tidak terkoyak. Sekiranya benar dakwaan mereka Nabi Yusuf dimakan serigala, sudah pasti bajunya Ayat ini menunjukkan saudara Nabi Yusuf telah menjadikan darah yang ada pada bajunya itu sebagai *Qarinah* bahawa benarnya dakwaan mereka terhadap Nabi Yusuf telah dimakan serigala. Namun begitu, *Qarinah* ini bertentangan dengan *Qarinah* yang lain yang cuba ditipu oleh saudara-saudara Nabi Yusuf dan terkoyak. Maka baju yang tidak terkoyak tersebut adalah *Qarinah* yang menunjukkan penipuan dakwaan mereka.

Imam Qurtubi (2002) dalam tafsirnya menjelaskan bahawa apabila saudara-saudara Nabi Yusuf ingin menjadikan darah palsu itu sebagai bukti kebenaran mereka, Allah telah menunjukkan kebohongan mereka dengan keadaan baju yang masih tidak terkoyak dan Nabi Yaakub mengatakan perbohongan dakwaan mereka dengan sempurnanya baju tersebut. Maka para ulama menggunakan ayat ini sebagai satu landasan dalam banyak perbincangan-perbincangan *fiqh* dan menggunakan *Qarinah* ini diterima sebagai bukti keterangan.

Daripada Aisyah RA berkata yang bermaksud:

“Adalah ‘Utbah telah mewasiatkan dengan bersungguh-sungguh kepada saudaranya Sa’d bahawa anak yang dilahirkan oleh hamba perempuan Zam’ah adalah anaknya. Justeru, ambillah dan peliharalah. Tatkala tahun pembukaan kota Mekah, Sa’d mengambilnya seraya berkata, “Ini anak saudaraku yang diminta kepadaku untuk memeliharanya.” Kemudian ‘Abd bin Zam’ah bangkit dan berkata, “Dia adalah saudaraku dan anak isteri ayahku.” Kemudian kedua-duanya berlumba-lumba menuju kepada Nabi SAW. Maka kata Sa’d, ‘Ya Rasulullah, dia anak saudaraku yang diwasiatkan kepadaku untuk memeliharanya.’ Kemudian Abd bin Zam’ah mencelah, ‘Dia adalah saudaraku dan anak isteri ayahku yang dilahirkan pada masa perkahwinan.’ Maka jawab Nabi SAW, “Dia bagi kamu wahai ‘Abd bin Zam’ah. Ini kerana nasab anak kepada perkahwinan yang sah. Sedangkan pezina adalah keaiban.” ﷺ kepada Saudah binti Zam’ah, Kemudian sabda Baginda ﷺ “Hendaklah kamu berhijab daripadanya.” Ini kerana Rasulullah ﷺ mendapati anak tersebut amat menyerupai ‘Utbah. Maka tidaklah anak tersebut melihat Saudah sehingga bertemu Allah atau mati.” (Sahih Bukhari).

Al-firash (perkahwinan yang sah) merupakan *Qarinah* berlakunya pergaulan yang sah menurut syarak diantara suami dan isteri dan berlakunya persetubuhan serta terbentuklah darinya janin. Maka anak hasil perhubungan tersebut adalah anak suami dan disabitkan nasab kepadanya. Ini kerana kebiasaannya tidak berlaku persetubuhan melainkan dengan perkahwinan yang sah dan pergaulan yang menepati syarak terhadap hamba. Maka diambil kira *Qarinah* menurut kebiasaan keadaan. Perkahwinan yang sah merupakan *Qarinah* disabitkan sesuatu nasab. Rasulullah mensabitkan nasab anak tersebut kepada Abd bin Zam’ah berdasarkan *Qarinah* perkahwinan dan disabitkan nasab kepada ayahnya. Ini menunjukkan penggunaan *Qarinah* menepati hukum syarak dan harus digunakan dalam menetapkan sesuatu hukum. (Abdul Qadir Idris, 2010)

Para sahabat, tabiin dan fuqaha selepas mereka telah bersepakat penggunaan *Qarinah* dan beramal dengannya serta bersandarkan hukum kepadanya dalam keadaan yang berbeza-beza khususnya dalam hal-hal yang berkaitan hudud. Sekiranya *Qarinah* ini diterima oleh mereka dalam hal-hal yang berkaitan hudud yang berasaskan kawalan yang ketat agar tidak berlaku kesilapan dalam menjatuhkan hukuman berkenaan, maka hal-hal selain daripada hudud lebih utama untuk diamal dan digunakan. (Soleh bin Ghanim al-Sadlan, 1997). *Qarinah* juga diguna pakai oleh para sahabat. Hal ini berdasarkan athar para sahabat antaranya:

Sesungguhnya saya merasa khawatir lama-kelamaan orang akan berkata, kami tidak bertemu dengan hukum rejam di dalam kitab Allah, dengan demikian mereka telah meninggalkan satu kefardhuan yang telah diturunkan oleh Allah, ingatlah bahawa hukuman rejam itu adalah benar terhadap mereka yang berzina dalam keadaan muhsan apabila cukup keterangan (saksi), mengandungi (tanpa suami/tuan) atau pengakuan (Sunan Ibnu Majah).

Kehamilan (dalam keadaan tiada suami atau tuan) adalah *Qarinah* yang jelas terhadap perbuatan zina, *Qarinah* ini telah diterima oleh saidina Umar sebagai dalil sabitan dalam kes ini. Saidina Umar tidak mengeluarkan kenyataan seperti ini melainkan ia terlebih dahulu mengetahui kepentingan jiwa dan kehormatan seseorang yang tidak boleh dirosakkan dengan hanya semata-mata sangkaan sifat ketelitian sayidina Umar (Lukman & Wan Abdul Fattah, 2012). Manakala Saidina Umar dan Abdullah bin Mas’ud telah mengenakan hukuman hudud berdasarkan bau arak pada mulut seseorang, dan muntahnya yang bercampur arak berdasarkan *Qarinah* zahir.

Daripada aspek darjah kekuatan *Qarinah* terbahagi kepada tiga bahagian:

1. *Qarinah* yang kuat (*Qarinah al-Qati'ah*)

Qarinah al-Qati'ah ditakrifkan sebagai suatu petunjuk yang meyakinkan. Yang dimaksudkan dengan *Qarinah al-Qati'ah* yang membawa maksud *Qarinah* yang kuat atau pasti adalah merangkumi tahap *zan al-ghalib* (menghampiri ke tahap yakin) sahaja, bukan membawa maksud al-yakin al-Qati' (kuat dan pasti). Hal ini kerana mereka mendapati wujudnya kesukaran pada mana-mana keadah pensabitan termasuklah *Qarinah* untuk mencapai ke tahap yakin. Bahkan mereka juga menganggap bahawa walau setinggi mana pun kekuatan sesuatu keadah pensabitan, ianya tidak akan sama sekali mampu untuk melangkaui tahap *zan al-ghalib*. (Adnan Hasan A'zaizah, 1990) Contoh *Qarinah* ini dinyatakan di dalam *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah* iaitu Sekiranya B melihat A meninggalkan sebuah rumah kosong sambil memegang sebilah pisau yang berlumuran dengan darah. Kemudian, B memasuki rumah tersebut dan mendapati C telah mati dalam keadaan lehernya dikelar dengan sesuatu yang tajam. Sudah pasti bahawa A yang membunuh C. Tiada kemungkinan bahawa C membunuh dirinya sendiri kerana pisau berlumuran darah telah menjadi petunjuk bahawa A telah membunuh.

2. *Qarinah* yang lemah (*Qarinah Ghayr al-Qati'ah*)

Qarinah Ghayr al-Qati'ah merujuk kepada petunjuk yang lemah atau tidak pasti. *Qarinah* jenis ini, sekiranya disertakan dengan sumpah pihak yang kena tuntutan (*al-yamin al-wajibah*), boleh dijadikan sebagai keterangan awal bagi menangkis dakwaan pihak satu lagi selagi mana belum wujud keterangan yang lebih kuat yang boleh digunakan sebagai hujah. (Mustafa Ahmad Zarqa', 1999) *Qarinah* ini perlu dikuatkan dengan keterangan sokongan dan ianya bukan keterangan yang berdiri dengan sendirinya yang boleh berhukum dengannya (Abdul Qadir Idris, 2010) Selain itu, ianya juga disebabkan darjah kekuatan nilai pembuktiannya tidak mencapai ke tahap *zan al-ghalib*. Contoh bagi *Qarinah* ini ialah apabila berlaku pertelingkahan di antara suami dan isteri terhadap pemilikan barangan rumah dan kedua-dua belah pihak tidak mempunyai keterangan yang jelas terhadap tuntutan mereka. Bagi menyelesaikan masalah ini, sesuatu yang pada kebiasaannya digunakan oleh lelaki akan menjadi hak milik suami, dan yang kebiasaannya digunakan oleh wanita akan menjadi hak milik isteri (Abdul Qadir Idris, 2010).

3. *Qarinah* yang palsu (*Qarinah al-Kazibah/Batilah*)

Qarinah ini sesuatu *Qarinah* yang bercanggahan dengan *Qarinah* yang lebih kuat. Percanggahan yang berlaku telah mengakibatkan *Qarinah* ini terbatal secara langsung dan tidak diterima sebagai keadah pensabitan atau keterangan. (Mustafa Ahmad Zarqa', 1999) Sebagai contoh bagi *Qarinah* ini, sekiranya berselisih di antara pemilik rumah dengan penjahit yang bekerja dirumahnya berkaitan pemilikan jarum, benang atau barang-barang yang menjadi kebiasaan digunakan untuk menjahit. Dalam hal ini, pemilikan barang-barang jahitan tersebut diputuskan hak milik tukang jahit dan tidak diambil kira pemilikan rumah kerana menjadi kebiasaan barang-barang jahitan dimiliki oleh penjahit bagi kegunaan menjahit. Maka *Qarinah* pemilikan rumah tidak diterima (Abdul Qadir Idris, 2010).

Kesimpulannya, *Qarinah* yang kuat (*Qarinah al-Qati'ah*) dan *Qarinah* yang lemah (*Qarinah Ghayr al-Qati'ah*) sahaja yang boleh dijadikan keterangan dalam sesuatu pensabitan kerana kedua-duanya mencapai tahap sangkaan yang kuat (*zan al-ghalib*). Namun begitu, *Qarinah* yang lemah (*Qarinah Ghayr al-Qati'ah*) memerlukan keterangan sokongan bagi menguatkan petunjuknya.

Perbincangan

Peruntukan Qarinah Di Dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah

Merujuk kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (EKMSNS), perkataan *Qarinah* digunakan mengikut konteks yang berbeza berdasarkan apa yang ingin disampaikan. Terdapat 3 maksud pemakaian perkataan *Qarinah* di dalam Enakmen ini. Berdasarkan Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, perkataan *Qarinah* adalah dirujuk sebagai keterangan berdasarkan keadaan. Pemakaian maksud ini boleh diperhatikan melalui tafsiran “*Qarinah*” ertinya fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara yang disebutkan dalam Enakmen ini. *Qarinah* pada konteks ini merujuk kepada keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan merupakan salah satu daripada *Bayyinah* sebagaimana tafsiran “*Bayyinah*” ertinya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *Qarinah*. *Qarinah* dalam maksud ini merupakan *circumstantial evidence* (keterangan berdasarkan keadaan) menurut Akta Keterangan (Akta 56). *Circumstantial evidence* merujuk kepada bukti tidak langsung yang digunakan untuk menyokong sesuatu kes melalui fakta atau situasi yang berkaitan dengan peristiwa jenayah, walaupun bukti tersebut tidak secara langsung membuktikan jenayah itu berlaku. Keterangan ini membolehkan hakim atau juri membuat inferens atau andaian yang logik tentang fakta utama berdasarkan hubungan antara peristiwa atau keadaan. Contohnya ialah jika seseorang ditemui berhampiran tempat kejadian jenayah dengan alatan atau kesan yang berkaitan dengan jenayah tersebut, seperti cap jari atau darah di tempat kejadian, walaupun tiada saksi yang melihatnya melakukan jenayah itu secara langsung. Pemakaian *Qarinah* ini diperuntukkan melalui seksyen 6 Akta 56 dan EKMSNS berkaitan fakta-fakta yang sebahagiannya daripada transaksi yang sama. Seksyen ini membenarkan penerimaan fakta yang berkaitan dengan transaksi jenayah yang berlaku, walaupun fakta tersebut tidak secara langsung membuktikan jenayah. Ini membolehkan bukti circumstantial seperti perilaku tertuduh sebelum atau selepas jenayah diterima jika ia relevan dengan keseluruhan kejadian. Contohnya tindakan tertuduh melarikan diri dari tempat kejadian selepas jenayah berlaku. Seksyen 7 Akta 56 dan EKMSNS berhubung dengan Fakta yang berhubung rapat atau berkait dengan fakta persoalan juga dianggap sebagai circumstantial evidence. Ini termasuk bukti mengenai tempat, masa, atau sebab yang boleh membantu menunjukkan kaitan antara tertuduh dan perbuatan jenayah. Misalnya bukti fizikal, seperti senjata pembunuhan yang ditemui di tempat tertuduh atau dengan tertuduh, walaupun tiada saksi yang melihat tertuduh menggunakannya. Begitu juga kondom atau peralatan seksual yang ditemui di Lokasi jenayah. *Qarinah* ini juga diperuntukkan melalui seksyen 8 Akta dan Enakmen yang sama berkaitan motif, peluang, niat, penyediaan, kelakuan terdahulu atau kemudian. Seksyen ini membenarkan keterangan mengenai motif, peluang, niat, persediaan, atau kelakuan terdahulu atau kemudian tertuduh, yang relevan dalam menunjukkan tindakan yang membawa kepada jenayah atau perilaku yang mencurigakan. Misalnya keterangan bahawa tertuduh mempunyai motif untuk membunuh boleh diterima walaupun tidak ada saksi langsung melihat pembunuhan.

Seterusnya, perkataan *Qarinah* juga adalah merujuk kepada maksud relevan dan/atau kaitan. Penggunaan maksud ini diletakkan di dalam EKMSNS bagi menggantikan frasa relevan sebagaimana yang disebut Akta 56). Penggunaan seperti ini membawa maksud bahawa hanya sesuatu keterangan atau fakta yang relevan dan/atau yang berkaitan dengan isu pada kes sahaja yang boleh dikemukakan kepada Mahkamah. Penggunaan *Qarinah* seperti yang dimaksudkan di atas digunakan secara meluas di dalam EKMSNS dan boleh dirujuk pada kebanyakan bahagian pada enakmen tersebut. Misalnya tajuk *Qarinah* diletakkan pada Bab 2 EKMSNS termasuklah pada pendapat pakar melalui seksyen 33 Enakmen yang sama. Antara contoh yang boleh dirujuk dalam bab tersebut ialah pada seksyen 6 Enakmen tersebut yang menyatakan “*Fakta yang, walaupun tidak menjadi persoalan, sebegitu*

berkaitan dengan suatu fakta persoalan sehingga menjadi sebahagian daripada transaksi yang sama ialah Qarinah”.

Selanjutnya ialah *Qarinah* yang membawa maksud anggapan atau andaian. Pembuktian secara anggapan adalah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 4 EKMSNS yang menyatakan bahawa sekiranya Enakmen tersebut memperuntukkan yang mahkamah boleh menganggap kewujudan sesuatu fakta tertentu, maka Mahkamah boleh menyifatkan sesuatu fakta itu sebagai terbukti melainkan sekiranya dibuktikan sebaliknya oleh pihak lain. Dan sekiranya Enakmen tersebut memperuntukkan yang mahkamah hendaklah menganggap kewujudan sesuatu fakta tertentu, maka Mahkamah hendaklah menyifatkan sesuatu fakta itu sebagai terbukti melainkan sekiranya dibuktikan sebaliknya oleh pihak lain. Anggapan-anggapan ini boleh rujuk pada beberapa peruntukan Enakmen tersebut antaranya Seksyen 4, 80, 81 dan 82 EKMSNS.

Berdasarkan penjelasan tersebut, *Qarinah* digunakan dalam tiga maksud yang berbeza iaitu sebagai keterangan berasaskan keadaan, fakta yang relevan dengan isu kes, dan pembuktian melalui anggapan atau andaian. Perbezaan pemakaian maksud *Qarinah* ini menimbulkan kekeliruan kepada pengamal undang-undang syariah.

Analisis Kes

Di Malaysia, *Qarinah* telah digunakan pada beberapa kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Namun, hakim Mahkamah Syariah agak sukar menerima pembuktian secara bersendirian melainkan disokong oleh mana-mana keterangan yang lebih kuat atau meyakinkan yang membolehkan Mahkamah Syariah menerimanya sebagai pembuktian. Analisa tersebut adalah kerana hasil carian menunjukkan bahawa terdapat 18 kes sahaja yang membincangkan berkenaan dengan *Qarinah*. 15 daripadanya adalah kes di Mahkamah Tinggi Syariah dan berbaki selebihnya 3 daripada Mahkamah Rayuan Syariah (Muhammad Hazim Ahmad, Ruqayyah Razak, Nurul Syahirah Saharudin, Hendun Abd. Rahman Shah, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin, 2019).

Di dalam kes-kes *Mal*, Mahkamah Syariah di Malaysia tidak menolak bagi penggunaan *Qarinah* sebagai kaedah pembuktian berkenaan sesuatu perkara melainkan bagi satu-satu isu yang jelas dinyatakan perlu dibuktikan melalui kaedah tertentu. Perkara ini dapat dilihat daripada kes *Eddyham bin Zainuddin lwn Rahimah bt. Muhamad [2015] JH 40(2) 238* yang mana melibatkan isu penafian nasab oleh Perayu. Di dalam kes ini, Perayu semasa di Mahkamah Tinggi Syariah telah mengemukakan *Qarinah-Qarinah* yang menunjukkan bahawa yang dikatakan anak kedua beliau merupakan anak orang lain dan bukannya anaknya bersama responden. Hal ini kerana, terdapat keraguan pada benih anak tersebut sehinggalah pada saat lahirnya anak tersebut. Namun, hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah menolak Laporan Bertulis Pakar Kimia atas alasan bahawa saksi pakar iaitu pakar kimia tidak dipanggil oleh Perayu untuk memberikan keterangan di hadapan Mahkamah bagi membuktikan bahawa anak tersebut bukanlah anak yang lahir daripada persetubuhan antara Perayu dan Responden. Selain itu, Mahkamah Tinggi Syariah juga menolak Laporan Bertulis tersebut atas faktor ketepatan ujian DNA yang telah dikemukakan tersebut adalah hanya 90% sahaja dan bukannya 100% berbeza antara ketepatan dan keyakinan.

Di peringkat rayuan pula, Mahkamah Rayuan Syariah juga telah menolak keterangan daripada ujian DNA tersebut atas alasan bahawa analisis DNA hanya boleh terpakai di dalam kes pensabitan nasab dan bukannya bagi kes penafian nasab. Hal ini kerana, Mahkamah Rayuan Syariah merujuk kepada surah an-Nur ayat 6 hingga 9, pandangan al-Imam Khatib al-Syarbini di dalam kitab al-Mughni al-Muhtaj serta peruntukan seksyen 111 daripada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003. Hakim Mahkamah Rayuan Syariah menyatakan bahawa, berdasarkan kepada rujukan-

rujukan di atas, hanya terdapat satu sahaja kaedah yang akan digunakan di dalam kes melibatkan penafian nasab iaitu melalui Li'an sahaja. Adapun kaedah-kaedah lain adalah tidak diiktiraf oleh syarak dalam menafikan nasab. Mahkamah Rayuan Syariah juga berpendapat bahawa laporan DNA adalah boleh digunakan hanya sebagai penguat keyakinan Perayu bagi melakukan Qazaf dan Lian.

Selain itu, di dalam kes *Azman bin Johari lwn Hazirah binti Mohamed [Kes Mal No.: 11200-003-0278-2016]*, Pemohon di dalam kes ini meragui status anak yang dilahirkan oleh Responden yang dikatakan bukan hasil daripada hubungan daripada Pemohon. Sehubungan dengan itu, Pemohon membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu bagi melakukan ujian paterniti DNA dari spesimen darah. Hasil daripada ujian tersebut, analisis DNA telah mengesahkan bahawa Pemohon adalah bukan bapa biologi kepada anak yang dipertikai tersebut. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah; YA Hakim Kamalruazmi Ismail telah mengiktiraf ujian DNA sebagai kaedah pembuktian secara *Qarinah* dengan ketepatan 99.999%. Dalam kes *Wan Khairi Wan Azmi v. Farah Nurliliana Jauhari [2011] 1 CLJ (SYA) 344*, Hakim telah menerimapiakai bukti melalui *Qarinah* berkenaan tempoh kelahiran anak melebihi enam bulan dua saat (*lahzoh*) dari tarikh akad nikah, dan menasabkan anak tersebut kepada Pemohon. Pemakaian *Qarinah* dalam kes-kes ini membawa maksud kepada keterangan berdasarkan keadaan sebagaimana makna asal menurut perspektif Islam.

Qarinah juga digunapakai dalam kes melibatkan status pengislaman seseorang. Dalam kes *Farhana Abdullah v. Majlis Agama Islam Selangor [2023] SLRHU 2*, Hakim telah berpuashati dengan keterangan-keterangan *Qarinah* daripada Defendan bahawa pengislaman Plaintiff adalah sah dan mengikut hukum syarak dan prosidur undang-undang. Mahkamah juga merujuk kepada penghakiman Y.A Tuan Mohd Shukor bin Sabudin di Dalam Permohonan Pengisytiharan Status Agama Si Mati Nyonya binti Tahir melalui kes Permohonan Ex-Parte *Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Dan 2 Yang Lain 221 JHXXI/II (1427H)* yang menyatakan:

Saya memahamkan dengan perkataan mudah, bahawa Qarinah ini adalah apa-apa perkara, sebarang perkara, yang boleh menerangkan perihal keadaan sesuatu itu dan menjadi dalil atau tanda, wujud atau tidaknya sesuatu itu. Dokumen yang dikemukakan, yang berupa rekod laporan Pejabat Agama Islam dan Mahkamah Kadi, Daerah Alor Gajah, Melaka bertarikh 7 Mei 1986 merupakan Qarinah.

Begitu juga dalam kes *Saidah Nafisah Abd Rahman lwn. Amirul Hussaini Bujang [2023] SLRSU 3*, Mahkamah berpendapat bahawa dokumen awam boleh dijadikan *Qarinah* yang kuat dalam membuat keputusan dalam suatu kes pengesahan lafaz cerai. Walau bagaimanapun timbul kekeliruan berdasarkan kedua-dua kes ini sama ada *Qarinah* yang dimaksudkan sama ada keterangan berdasarkan keadaan atau dengan maksud relevan. Hal ini kerana keterangan dokumentar merupakan kaedah pembuktian yang khusus yang dikenali sebagai al-Kitabah yang berbeza dengan *Qarinah* menurut perspektif Islam.

Mahkamah juga telah menyatakan seperti berikut berhubung *Qarinah* keadaan mental dan ingatan defendan ketika lafaz talak dibuat:

Dari keterangan pihak-pihak, secara zahirnya yang diikrarkan oleh pihak Defendan bahawa beliau adalah seorang yang waras dan tidak pernah gila. Manakala secara tersiratnya, keupayaan Defendan untuk mengingati kejadian pada waktu lafaz talaq dibuat menjadi salah satu Qarinah bahawa pihak Defendan masih berakal hingga dapat mengingati perkara yang berlaku ketika kejadian dan disimpan dalam ingatannya sekalipun emosinya pada ketika itu sedang marah.

Di samping itu, *Qarinah* juga digunapakai dalam kes tuntutan *muta'ah* bagi menentukan kemampuan defendan untuk membayar tuntutan tersebut. Sementara dalam kes *Zainuddin Syed Mohamed lwn. Salmah Jamaludin [2022] SLRAU 8*, Mahkamah menyatakan bahawa fakta kelayakan defendan untuk menerima bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sendiri adalah menjadi *Qarinah* kepada

asas kemampuan Defendan yang tidak mewajarkan Mahkamah meluluskan keseluruhan yang dituntut oleh plaintif.

Dalam kes pengesahan hibah pula, dapat dirujuk melalui kes *Abdullah Zayawi Muda & Yang Lain lwn. Fatimah @ Rohani Deris @ Idris [2017] SLRAU 49* dimana Mahkamah mengambil kira *Qarinah* seperti berikut:

Beberapa Qarinah yang wujud dalam kes ini menyokong kuat tuntutan pihak Responden dan fakta-fakta tersebut tidak pernah disangkal oleh pihak Perayu-Perayu semasa hari perbicaraan yang lalu. Antaranya ialah tindakan plaintif yang terus membina rumah di atas bahagian tanah yang telah dihibahkan dan tapak rumah adalah yang dibina tidak terkeluar daripada bahagian sempadan batu perenggan. Si mati juga tidak pernah mempertikai tindakan Responden membina rumah sebaliknya turut melaksanakan solat hajat semasa rumah tersebut hendak dibina. Selain itu, ibu Perayu-Perayu juga tidak pernah mempertikaikan bahagian tanah yang diduduki serta dijaga oleh Responden sehinggalah ke akhir hayat beliau.

Manakala bagi kes jenayah syariah, Mahkamah Syariah juga telah menerima pemakaian *Qarinah* sebagai pembuktian di dalam kes-kes. Bahkan, Mahkamah Syariah juga mensabitkan kesalahan berdasarkan kepada *Qarinah* yang diberikan oleh pendakwa. Antara kes yang membicarakan berkenaan dengan *Qarinah* adalah seperti *Pendakwa HEA v. Nasran b. St Kahar [kes jenayah, no230/88]*. Mahkamah Tinggi Syariah di dalam kes ini menegur pihak pendakwa kerana gagal untuk membawa apa-apa *Qarinah* bagi menyokong pendakwa mereka. Pihak pendakwa sepatutnya membawa masuk *Qarinah* seperti kitab, buku-buku atau peralatan untuk menulis bagi menyokong dakwaan bahawa orang yang kena tuduh tersebut sedang mengajar ajaran agama tanpa tauliah ketika ditangkap. Justeru, di dalam kes ini, Mahkamah Tinggi Syariah menerima dan memerlukan *Qarinah-Qarinah* zahir sebelum pensabitan dan hukuman boleh diputuskan. *Qarinah* yang diperlukan oleh mahkamah dalam kes ini adalah merupakan barang bukti yang termasuk dalam kategori *real evidence*.

Seterusnya, dalam kes *Pendakwa HEA v. Zulkiflee b. Jaafar [kes jenayah no.94/812]* di mana orang kena tuduh di dalam kes ini telah didakwa atas dua jenis kesalahan iaitu yang pertama di bawah Seksyen 157(2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' 1978 berkenaan kesalahan berkhawat manakala lagi satu di bawah Seksyen 157(1) iaitu berkenaan tindakan ingkar perintah. Bagi kesalahan di bawah Seksyen 157(1) enakmen tersebut, pihak pendakwa telah membawa masuk keterangan bahawa OKT telah memaki hamun pegawai pengautkuasaan serta enggan memberi kad pengenalnya walaupun berkali-kali diminta. Mahkamah pada kes ini mensabitkan kesalahan terhadap OKT bagi kesalahan pertama berdasarkan kepada keengganan memberikan kad pengenalan dan tindakannya melarikan diri. Malah dalam kes *Pendakwa Syarie Pahang lwn. V V Aboo [2004] 1 CLJ (SYA) 518*, Hakim telah merujuk kepada *Qarinah* pakaian batik oleh OKT dan keberadaan OKT di tempat judi dalam menjatuhkan hukuman.

Selain itu, merujuk kepada kes *Pendakwa HEA v Razali b. Othman [kes jenayah no.122/89]* di mana OKT di dalam kes ini telah disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 152 Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' atas kesalahan dengan sengaja tidak berpuasa tanpa uzur syari'e. Mahkamah Syariah di dalam kes ini telah menggariskan bahawa sabitan yang telah dijatuhkan itu adalah berdasarkan dua fakta iaitu pengakuan salah OKT dan *Qarinah* dengan adanya makanan dan minuman yang masih panas lagi di sisi OKT.

Seterusnya dalam kes *Ketua Pendakwa Syari'e Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu lwn. YYYYY XXXX & Lagi Satu [2018] SLRHU 14*, Mahkamah percaya seluar dalam perempuan (P3) (yang diakui milik OKT 2) yang ditemui di tempat kejadian itu menjadi suatu *Qarinah* bahawa ianya telah ditanggalkan dari tubuh OKT 2 dalam pensabitan kesalahan percubaan *Musahaqah* tersebut, dan tidak

sempat untuk dipakai semula olehnya kerana serbuan secara tiba-tiba oleh pihak Penguatkuasa Agama. Mahkamah juga percaya bahawa alat kelamin tiruan lelaki milik OKT 1 itu adalah menjadi *Qarinah* bahawa ianya bertujuan digunakan dalam pelakuan hubungan seksual oleh OKT 1 dan OKT 2 dalam percubaan Musahaqah itu.

Begitu juga dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Selangor lwn. Ahmad Farish Ahmad Calyouni [2022] SLRHU 5*, Mahkamah memutuskan bahawa fakta-fakta berkenaan tempahan hotel yang dibuat awal secara *online*, pemilihan lokasi, iaitu hotel, waktu yang tidak munasabah seorang lelaki dan perempuan Islam untuk berdua-duaan, bertuala, manakala pasangannya langsung tidak berpakaian, menjadi *Qarinah* antara satu sama lain, tertuduh merancang serta sangat hampir kepada perlakuan maksiat yang lebih besar. Maka kerana itulah, Mahkamah katakan fakta kes ini adalah berat.

Penerangan yang lebih jelas berkenaan *Qarinah* dalam kes persediaan kepada persetubuhan ini dapat dilihat dalam kes *AMZ lwn. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Selangor [2019] SLRAU 19* dimana Mahkamah menyatakan:

Kesalahan berkaitan dengan persediaan adalah kesalahan di peringkat yang lebih mudah dibuktikan berbanding kesalahan percubaan melakukan persetubuhan luar nikah dan persetubuhan luar nikah. Di peringkat persediaan melakukan persetubuhan, Mahkamah tidak memerlukan keterangan saksi-saksi sehingga ke tahap melihat sendiri kemaluan tertuduh-tertuduh seperti dihujahkan oleh Perayu, memadai dengan keterangan berkaitan Qarinah-Qarinah yang menunjukkan tertuduh melakukan perbuatan ke arah persediaan persetubuhan luar nikah. Dalam kes ini, tindakan Perayu dan pasangannya yang bukan mahram berkurung dalam bilik hotel bernombor 6 dan dalam keadaan tidak berpakaian serta kelihatan pasangan perempuan duduk di antara pusat hingga ke paha Perayu sudah mencukupi untuk menunjukkan berlakunya perbuatan persediaan. Persediaan ini jika tiada halangan boleh menjurus kepada perbuatan percubaan atau persetubuhan luar nikah. Oleh itu, kami bersetuju dengan dapatan YA Hakim Bicara bahawa "pada pandangan Mahkamah, elemen yang perlu dipenuhi itu tidaklah ke tahap sebagaimana dihujahkan Tertuduh bahkan cukup sekadar dengan hanya keterangan keadaan Tertuduh yang boleh difahami bahawa mereka bercadang atau hendak melakukan persetubuhan.

Dalam satu kes lain iaitu kes *Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Terengganu lwn. XXXX[2018] SLRHU 12*, Mahkamah telah menerima pakai *Qarinah* pembayaran pendahuluan bilik hotel yang dibuat oleh pelanggan untuk mendapatkan khidmat seks adalah satu *Qarinah* yang menunjukkan bahawa perbuatan sebagai persediaan yang hendak dilakukan oleh OKT dengan pasangan/pelanggannya ialah perbuatan atau kesalahan pelacuran iaitu memberikan khidmat seks dengan sesuatu bayaran.

Berdasarkan kepada kes-kes yang dinyatakan di atas, pendekatan Mahkamah-Mahkamah Syariah di negara kita mengambil pendekatan untuk menerima pembuktian *Qarinah* di dalam kes-kes sama ada *Mal* ataupun jenayah melainkan terdapat kaedah-kaedah tertentu yang jelas dinyatakan daripada nas-nas dalam menentukan isu tersebut.

Dapatan

Berdasarkan kes-kes yang dirujuk, adalah jelas bahawa *Qarinah* sememangnya diguna pakai sebagai salah satu kaedah pembuktian di Mahkamah Syariah baik dalam kes jenayah mahupun *mal*. Dalam kes-kes jenayah lazimnya, *Qarinah* digunapakai sebagai salah satu kaedah pembuktian dalam mensabitkan dan memutuskan sesuatu kes. Penerimaan dan penggunaan *Qarinah* sebagai kaedah pembuktian banyak membantu para hakim dalam membuat keputusan bagi sesuatu kes dimana pensabitan tidak dapat diputuskan akibat daripada ketiadaan bukti-bukti utama yang boleh dibuktikan melalui kaedah-kaedah

pembuktian utama seperti kesaksian (*al-Syahadah*) dan pengakuan (*al-Iqrar*). Sekiranya Mahkamah Syariah menolak penerimaan *Qarinah* sebagai kaedah pembuktian, maka sudah tentu pensabitan terhadap suatu dakwaan jenayah akan menjadi lebih sukar dan akan menyebabkan banyak pendakwaannya tidak dapat disabitkan terhadap tertuduh. Realitinya dalam kes-kes jenayah yang lazimnya berlaku secara tersembunyi seperti khalwat, minum arak dan seumpamanya, adalah sukar bagi pihak pendakwaannya mendapatkan bukti-bukti langsung (*direct evidence*) seperti keterangan saksi secara penyaksian (*al-Syahadah*). *Qarinah* seperti bau arak, keadaan tertuduh ketika tangkapan, resit pembelian dan lain-lain menjadi *Qarinah* bahawa seseorang individu telah melakukan kesalahan meminum arak. Begitu juga dalam pertuduhan bagi kesalahan khalwat, keadaan tertuduh ketika tangkapan termasuklah keberadaan tertuduh serta keadaan bilik/tempat tertuduh dijumpai boleh menjadi *Qarinah* bahawa tertuduh sememangnya bersekedudukan dan berkhalwat. Di samping itu, barang bukti seperti kondom, botol arak, resit pembelian tiket judi merupakan bukti-bukti yang termasuk dalam keterangan sebenar (*real evidence*) yang boleh dikemukakan sebagai *Qarinah* yang membuktikan setiap fakta persoalan iaitu elemen kes yang perlu dibuktikan. Penerimaan *Qarinah* secara tidak langsung akan membantu dan memimpin para hakim terhadap bukti yang lebih utama berdasarkan *Qarinah-Qarinah* yang dikemukakan, sekaligus membolehkan pensabitan dilakukan walaupun dengan kekurangan dan ketiadaan keterangan langsung.

Begitu juga dalam kes-kes *mal*, *Qarinah* turut diterimapakai sebagai pembuktian dalam sesuatu tuntutan. Malah, penggunaan *Qarinah* dalam kes-kes *mal* dibincangkan dengan lebih mendalam dalam berbanding kes jenayah. Misalnya, dalam kes penafian nasab, penerimaan keputusan ujian “*Deoxyribonucleic Acid*” (DNA) diterima dalam banyak kes untuk menentukan nasab anak tersebut. Tambahan lagi, perkembangan teknologi masa kini sememangnya membantu sebagai *Qarinah* dalam penentuan kes di Mahkamah Syariah. Keputusan ujian DNA dalam penentuan nasab seorang anak boleh dijadikan *Qarinah* yang kuat dan munasabah dalam mensabitkan nasab anak tersebut dengan bapa atau ibunya. Hal ini menunjukkan bahawa darjah keyakinan *Qarinah* itu sendiri boleh berubah kepada tahap keyakinan yang tertinggi dengan bantuan teknologi sains moden. Malah, kaedah sains seperti ini telah digunakan semenjak zaman Rasulullah lagi apabila Rasulullah sendiri pernah menghidu bau mulut seseorang untuk memastikan sama ada individu tersebut di bawah pengaruh arak atau tidak. Begitu juga, Saidina Ali pernah menggunakan air panas untuk menentukan kesan yang didakwa sebagai air mani pada kain seorang wanita. Kaedah forensik seperti ini yang kini telah berkembang pesat menjadikan *Qarinah* dalam kategori seperti ini sebagai *Qarinah qat'iah* dan tiada keraguan padanya.

Walau bagaimanapun, dalam konteks penerimaannya di Mahkamah Syariah, pemakaian *Qarinah* masih menjadi cabaran apabila sebahagian hakim menggunakan pendekatan berbeza dalam ‘berinteraksi’ dengan *Qarinah*. Istilah *Qarinah* yang membawa maksud dan konotasi berbeza dalam enakmen keterangan negeri-negeri telah menimbulkan kekeliruan dari sudut penggunaannya sebagai salah kaedah pembuktian. Hal ini kerana menurut seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, *Qarinah* adalah keterangan berdasarkan keadaan. Sesuatu fakta itu dianggap *Qarinah* atau fakta berkaitan apabila mampu melahirkan sesuatu tanggapan tentang wujud atau tidak fakta persoalan/fakta isu dalam sesuatu kes. Oleh yang demikian, *Qarinah* tidak dapat berdiri dengan sendiri dan hanya menyokong kepada fakta persoalan/fakta isu. Misalnya dalam kes khalwat, fakta persoalan lelaki atau perempuan yang berada dengan orang lain yang bukan mahramnya di tempat yang tersembunyi dapat disokong dengan *Qarinah* seperti keadaan tertuduh yang tidak berpakaian atau keadaan bilik/katil tempat mereka dijumpai yang memungkinkan wujudnya perlakuan khalwat. (Mohd Sabree Nasri, Ruzman Md Noor, 2022). Namun, wujud kekeliruan apabila terdapat hakim yang menyamakan keterangan dokumentar sebagai *Qarinah*. Sedangkan keterangan dokumentar merupakan salah satu kaedah pembuktian khusus yang berbeza dengan *Qarinah*. Hal ini kerana berdasarkan Enakmen

Keterangan Mahkamah Syariah, *Qarinah* juga membawa maksud fakta yang relevan untuk dikemukakan kepada mahkamah.

Dalam konteks keterangan di Mahkamah Sivil, konsep yang sama digunapakai dalam menyimpulkan suatu fakta persoalan/fakta isu dengan mengambil kira fakta berkaitan/fakta relevan yang bersifat sokongan (*corroborative*). Namun begitu, dalam konteks keterangan di Mahkamah Syariah, *Qarinah* juga dapat ditafsirkan sebagai keterangan keadaan (*circumstantial evidence*) yang turut digunapakai di Mahkamah Sivil. Walau bagaimanapun, Mahkamah Sivil membezakan kedua-dua istilah ini. Berbeza dengan Mahkamah Syariah, kedua-dua konsep ini menggunakan istilah dan terma yang sama. Di Mahkamah Syariah, *Qarinah* turut termasuk dalam *Bayyinah* dan salah satu kaedah pembuktian. *Qarinah* dalam maksud ini adalah seringkali digunapakai oleh para hakim dalam memutuskan sesuatu kes.

Kesimpulan

Pemakaian *Qarinah* di Mahkamah Syariah tidak dapat dinafikan kepentingannya, terutamanya sebagai salah satu kaedah pembuktian dalam pensabitan kes. Walaupun penggunaannya masih diperdebatkan dalam kalangan ulama, dalam konteks masalah hari ini, penerimaan dan penggunaan *Qarinah* menjadi satu keperluan. Perkembangan teknologi dan sains turut menyokong peranan *Qarinah* dalam membantu mencapai tahap pembuktian yang lebih kukuh, sekaligus menjadikannya relevan dalam dunia perundangan moden. Namun, kajian ini mendapati bahawa terdapat keperluan bagi Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah untuk memperhalusi dan memperjelaskan penggunaan istilah *Qarinah*, yang pada masa ini memberikan pelbagai maksud dan konotasi, sehingga menimbulkan kekeliruan. Jika *Qarinah* diterima sebagai salah satu kaedah pembuktian atau bayyinah, penggunaan istilah ini boleh dikekalkan. Pengekalan istilah *Qarinah* tidak akan menjejaskan peruntukan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, memandangkan konsep tersebut selaras dengan prinsip syarak. Namun, jika *Qarinah* difahami sebagai "fakta relevan," maka perlu ada pemisahan yang jelas antara *Qarinah* dan bayyinah, agar kedua-duanya tidak dianggap sebagai konsep yang sama. Langkah ini bukan sahaja dapat memperluaskan penerimaan *Qarinah* sebagai kaedah pembuktian yang lebih kukuh di Mahkamah Syariah, tetapi juga menjadikan penggunaannya lebih setanding dengan kaedah pembuktian yang digunakan di Mahkamah Sivil. Di Mahkamah Sivil, keterangan berdasarkan keadaan digunakan secara meluas dan terbukti berkesan dalam membantu hakim membuat keputusan dalam pelbagai kes. Oleh itu, dengan memperjelas konsep dan penggunaan *Qarinah*, kekeliruan dalam kalangan pengamal undang-undang syariah dapat diatasi, sekaligus memastikan proses kehakiman dilaksanakan dengan lebih adil dan saksama.

Konflik kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam penerbitan artikel ini.

Penghargaan

Artikel ini dibiayai oleh Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM melalui program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP).

Rujukan

- Abdul Qadir Idris. (T.th). *Al- Ishbat bi Al-Qarain fi fiqhi al-Islami*. Jordan: Dar al-Thaqafah li Nars wa Tauzi’.
- Adnan Hasan A’zaizah. (1990). *Hujiyah al-Qarain fi as-Syariah al-Islamiyyah*. Jordan: Dar Aman.
- Ahnaf Ahmad, Muhammad Helmi Md Said, Ramalinggam Rajamanickam (2022). *Wasa’il Al-Isbat dalam Undang-Undang Keterangan Islam: Pemakaian Qarinah Dari Sudut Kes-Kes Kekeluargaan Di Mahkamah Syariah*. Muzakarah Fiqh & International Conference.
- Majallah al-Ahkam al- ‘Adilyyah.1968. Kaherah: Matba’at Shi’arke.
- Anwarullah. (1992). *Islamic Law of Evidence*. Brunei: Pusat Dakwah Islamiah.
- Mahmud Saedon Awang Othman (1991). *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Soleh Ghanim al-Sadlan. (1997). *al-Qarain wa Dauruha fi al-Ishbat fi as-Syariah al-Islamiyyah*. Riyad: Dar Balansiah li al-Nasr wa Tauzi’.
- Lukman Abdul Mutalib, & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2012). *Qarinah: Antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina)*. *International Journal of Islamic Thought*, 1(1), 18-25.
- Mahmood Saedon A. Othman. 1990. *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sabree Nasri, & Ruzman Md Noor. (2022). *Kerelevenan Fakta Menurut Undang-Undang Keterangan Di Mahkamah Syariah*. *Journal of Law & Governance*, 4(1), 101-110.
- Muhammad Hazim Ahmad, Ruqayyah Razak, Nurul Syahirah Saharudin, Hendun Abd. Rahman Shah, Hasnizam Hashim & Ahmad Syukran Baharuddin. (2019). *Nafas Baru Kepada Tahap Pembuktian Qarinah Dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah*. E-Prosiding Diskusi Syariah dan Undang-undang. Nilai: Fakulti Syariah dan Undang-undang.
- Mustafa Ahmad Zarqa’. (1999). *Al-Madkhal al-Fiqhi al-Am.*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Lukman Abdul Mutalib, & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2012). *Qarinah: Antara Kekuatan dan Keperluan dalam Mensabitkan Kesalahan Jenayah (Zina)*. *International Journal of Islamic Thought*, 1(1), 18-25.
- Sidi Ahmad Abdullah (1998). *Pembuktian Dan Keterangan Dalam Undang-Undang Islam: Rujukan Khusus Kepada Qarinah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Qurtubi, A.A. (2002). *Al-Jami’ Li Al-Ahkam Al-Quran*. Kaherah: Dar Al-Hadis.
- Wahbah Zuhaili, 2004. *Fiqh Al- Islami Wa Adallatuhu*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003.
- Azman bin Johari lwn Hazirah binti Mohamed [Kes Mal No.: 11200-003-0278-2016]
- Eddyham bin Zainuddin lwn Rahimah bt. Muhamad [2015] JH Jld 40 Bhg 2 238
- Pendakwa HEA v. Nasran b. St Kahar [kes jenayah, no230/88]
- Pendakwa HEA v Razali b. Othman [kes jenayah no.122/89]
- Pendakwa HEA v. Zulkiflee b. Jaafar [kes jenayah no.94/812]
- Pendakwa Syarie Negeri Sabah v. Rosli Abdul Japar [2007] 23(2); JH 237.
- Suhaizad Saifuddin, Ruzian Markom and Mohd. Munzil Muhamad. (2019). *Kaedah pembuktian dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah dan mahkamah sivil di Malaysia: Suatu kajian perbandingan*. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 31(1), 1 – 34.
- Zainul Abidin bin Mat Akhir lwn Ahmad Nazreen bin Zainul Abidin & Seorang Lain [2014] JH 40 (2)
- Al-Bukhari, A.A.M. (1997). *Sahih Al-Bukhari ma’ Hashiyat Al-Sindi*. Beirut: Maktabah Al- ‘Asriyyah.